



DIKELUARKAN OLEH JABATAN MUFTI PERLIS

MENCARI SAHABAT YANG SOLEH

(TEKS KHUTBAH JUMAAT 27 JUN 2025 MASIHI/1

MUHARRAM 1447 HIJRAH)

MENCARI SAHABAT YANG SOLEH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرُ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Khutbah pada hari ini bertajuk; “MENCARI SAHABAT YANG SOLEH.”

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah,

Manusia adalah makhluk sosial. Setiap kita pasti akan berteman, berkawan, dan bersahabat. Namun tidak semua sahabat membawa kita kepada kebaikan. Justeru, Islam tidak membiarkan kita bersahabat secara sembarangan, tetapi membimbing kita agar mencari sahabat yang soleh. Nabi SAW bersabda:

إِمَّا مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ، وَالْجَلِيسِ السَّوِّءِ كَحَامِلِ الْمِسْكِ، وَنَافِخِ الْكِيرِ فَحَامِلُ الْمِسْكِ إِمَّا أَنْ يُخَذِّبَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ، وَإِمَّا أَنْ بَجَدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً، وَنَافِخِ الْكِيرِ إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ ثِيَابَكَ، وَإِمَّا أَنْ بَجَدَ رِيحًا خَبِيثَةً

Ertinya: “Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti pembawa kasturi dan tukang besi yang meniup api. Pembawa kasturi itu, sama ada dia akan menghadiahkannya kepadamu, atau kamu membelinya daripadanya, atau kamu akan mendapat bau harum daripadanya. Adapun tukang besi yang meniup api, dia mungkin

akan membakar pakaianmu, atau kamu akan mendapat bau yang busuk daripadanya.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis ini memberi gambaran yang sangat jelas bahawa sahabat mempunyai kesan langsung kepada diri seseorang. Jika kita bersahabat dengan orang soleh, kita akan terkesan dengan akhlaknya, doanya, percakapannya dan amalnya. Sebaliknya, jika kita bersahabat dengan orang fasik, maksiatnya akan menjadi ikutan dan kita akan rosak bersama.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Rasulullah SAW juga telah bersabda tentang pengaruh besar seorang sahabat dalam kehidupan seseorang:

الرَّجُلُ عَلَى دِينِ حَلِيلِهِ، فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ

Ertinya: ***"Seseorang itu berada di atas agama sahabat karibnya. Maka hendaklah kamu semua melihat dengan siapa kamu bersahabat."*** (Hadis Hasan Riwayat Abu Dāud)

Hadis ini bukan sekadar nasihat biasa, tetapi merupakan satu peringatan yang tajam bahawa siapa sahabat kita, itulah yang membentuk siapa diri kita. Jika sahabat baik kita memandang ringan soal solat, kita juga perlahan-lahan akan terikut. Jika sahabat kita berani melakukan dosa secara terang-terangan, hati kita juga lama-kelamaan akan terbuka untuk menirunya.

Demikian juga halnya dengan anak-anak kita. Perhatikan siapa sahabat karib yang mereka dampingi. Kemudian, perhatikan pula kesan sahabat tersebut terhadap diri anak-anak kita. Jika sahabat mereka takut kepada Allah dan menjaga amal soleh, mereka juga akan terdorong untuk turut serta. Begitulah besarnya pengaruh seorang sahabat.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan,

Marilah kita menilai dengan siapa kita bersahabat. Jika kita ingin menjadi insan yang baik dan istiqamah di atas jalan yang direcai Allah, carilah sahabat yang membantu kita ke arah itu. Islam mengajar kita supaya memilih sahabat yang soleh. Antara ciri-ciri sahabat yang soleh ialah:

Pertama: Sahabat yang soleh ialah seseorang yang beriman dan bertakwa kepada Allah. Inilah sahabat utama yang perlu dicari, kerana keimanannya akan membimbing kita mendekatkan diri kepada Allah. Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُصَاحِبْ إِلَّا مُؤْمِنًا، وَلَا يَأْكُلْ طَعَامَكَ إِلَّا تَقِيٌّ

Ertinya: *“Janganlah engkau bersahabat melainkan dengan orang yang beriman, dan janganlah orang yang makan makananmu melainkan orang yang bertakwa.”* (Hadis Hasan Riwayat Attirmizi)

Hadis ini menunjukkan larangan berkawan rapat dengan orang yang tidak beriman, serta galakan memilih sahabat daripada kalangan yang bertakwa, kerana mereka menjaga adab, akhlak, dan agama. Inilah sahabat sejati yang meletakkan iman sebagai tunjang dalam persahabatan.

Kedua: Sahabat yang soleh ialah sahabat yang sentiasa membantu ke arah kebaikan. Dia membimbing kita ke arah amal soleh dan menjauhkan kita daripada dosa serta maksiat. Dia tidak sekadar berdiam diri apabila kita melakukan kesalahan, bahkan menasihati kita dengan penuh kasih sayang. Allah SWT berfirman:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ



Maksudnya: *“Dan orang-orang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.”* (Surah At-Taubah Ayat 71)

Sahabat yang baik bukanlah sahabat yang membiarkan kita terjerumus ke dalam keburukan kerana takut kehilangan persahabatan, tetapi sahabat yang sanggup menegur dengan cara yang lembut dan penuh keikhlasan.

Ketiga: Sahabat yang soleh ialah sahabat yang sentiasa mengharapkan ganjaran pahala daripada persahabatan yang ikhlas kerana Allah. Dia tidak menjalin hubungan atas dasar kepentingan dunia, tetapi atas dasar iman dan takwa. Keikhlasannya terserlah melalui kejujuran, bantuannya ketika susah, serta kesetiiaannya walaupun tiada kepentingan duniawi.

Rasulullah SAW bersabda (maksudnya): ***“Tujuh golongan yang akan dinaungi oleh Allah dalam naungan-Nya pada hari yang tiada naungan selain naungan-Nya.”*** Antaranya ialah:

رَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ

Ertinya: ***“Dua orang lelaki yang saling berkasih sayang kerana Allah; mereka berkumpul kerana-Nya dan berpisah juga kerana-Nya.”*** (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Sahabat yang saling menyayangi kerana Allah menjalin persahabatan atas dasar keimanan, bukan kerana manfaat dunia. Mereka berkumpul dalam perkara yang diredhai Allah dan berpisah dalam keadaan Allah tetap menjadi tujuan utama. Persahabatan yang ikhlas seperti inilah yang akan dinaungi oleh Allah pada hari tiada naungan selain naungan-Nya pada hari Kiamat kelak.

Keempat: Sahabat yang soleh ialah seseorang yang apabila kita duduk bersamanya, dia tidak menyebabkan kita turut menanggung dosa. Berbeza dengan sahabat yang suka mengumpat, memaki hamun, mencela orang lain, atau berbicara perkara-perkara yang dimurkai Allah, seperti mempermainkan ayat-ayat-Nya. Allah SWT berfirman:

وَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِينَ يَخُوضُونَ فِي آيَاتِنَا فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّى يَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ ۚ ﴿٦٨﴾

Maksudnya: ***“Dan apabila engkau melihat orang-orang yang memperolok-olokkan ayat-ayat Kami, maka berpalinglah daripada mereka sehingga mereka berbicara dalam perbicaraan yang lain.”*** (Surah Al-An‘ām Ayat 68)

Sahabat yang mulia ialah yang menjauhkan diri daripada percakapan yang menghina agama, dan tidak memperolok ayat-ayat Allah. Dia menjaga maruah sahabatnya, menutup aibnya, dan tidak menjadikan kelemahan temannya sebagai bahan cerita kepada orang lain.

Kelima: Sahabat yang soleh ialah seseorang yang menjauhi perkara-perkara terlarang seperti rokok, vape, dadah dan arak, serta tidak melibatkan diri dengan apa-apa yang memudaratkan tubuh badan dan jiwa. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Ertinya: ***"Sesiapa dalam kalangan kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Jika dia tidak mampu, maka dengan lidahnya. Dan jika dia tidak mampu juga, maka dengan jantung hatinya, dan itulah selemah-lemah iman."***
(Hadis Riwayat Muslim)

Sahabat yang baik ialah yang menegur kemungkaran dengan penuh hikmah dan sentiasa mengajak kita menjauhi perbuatan haram. Dia tidak membiarkan maksiat berleluasa, sebaliknya berusaha mencegahnya mengikut kemampuan.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

Untuk mengakhiri khutbah yang pertama pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin mengingatkan diri sendiri serta para jemaah sekalian. Kita sebagai bapa hendaklah memerhatikan dengan siapa anak-anak kita bersahabat. Jangan biarkan mereka memilih kawan tanpa panduan agama.

Tanyalah siapa kawan mereka, bimbinglah mereka agar mendekati rakan-rakan yang soleh, dan jauhkan mereka daripada pengaruh rakan-rakan yang lalai, kasar, mulut celupar, atau terlibat dengan rokok, vape, dan bahan-bahan terlarang. Nabi SAW bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ، أَوْ يَنْصَرَانِهِ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Ertinya: ***"Setiap anak dilahirkan atas fitrah (Islam), maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani, atau Majusi."*** (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Bimbinglah mereka dengan kasih sayang, nasihat dan doa agar mereka membesar bersama sahabat-sahabat yang mencintai agama, mencintai ilmu, dan menjauhi maksiat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ: فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, kita memasuki 1 Muharam 1447 Hijrah, permulaan tahun baharu dalam takwim Islam. Ia bukan sekadar pertukaran angka, tetapi peringatan bahawa umur kita semakin singkat dan waktu terus berlalu. Bulan Muharam bukan sekadar permulaan tahun baharu Islam, tetapi ia adalah satu-satunya bulan yang secara khusus dinisbahkan kepada Allah oleh Nabi sebagai شَهْرُ اللَّهِ “bulan Allah”. Ini menunjukkan kemuliaan dan keistimewaannya. Rasulullah bersabda:

أَفْضَلُ الصَّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ، شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمُ

Ertinya: “Puasa yang paling utama selepas Ramadan ialah puasa dalam bulan Allah al-Muharam.” (Hadis Riwayat Muslim)

Maka sesiapa yang ingin menambahkan bekalan akhirat dan mendekatkan diri kepada Allah, inilah masanya untuk memperbanyakkan puasa sunat, termasuk puasa hari Isnin dan Khamis, serta puasa **Ayyām al-Bīḍ** (أَيَّامُ الْبَيْضِ), iaitu hari-hari putih pada 13, 14 dan 15 Muharam. Turut digalakkan ialah puasa sunat khusus pada 9 dan 10 Muharam, yang dikenali sebagai Hari **Tāsū‘ā** (تَاسِعُوعَاء) dan Hari **‘Āsyūrā** (عَاشُورَاء). Puasa pada Hari **‘Āsyūrā** (10 Muharam) adalah antara amalan yang paling utama dalam bulan Muharam.

Rasulullah bersabda: *(Ertinya): “Puasa pada Hari ‘Āsyūrā’, sesungguhnya aku mengharapkan kepada Allah agar ia menghapuskan dosa setahun yang lalu.”* Dan Rasulullah juga menyatakan hasrat untuk berpuasa pada hari sebelumnya, iaitu 9 Muharam: *Ertinya: “Jika aku masih hidup hingga tahun hadapan, nescaya aku akan berpuasa juga pada hari kesembilan.”* (Hadis Riwayat Muslim)

Maka marilah kita hidupkan sunnah ini bersama keluarga dan komuniti kita, semoga kita termasuk dalam kalangan hamba Allah yang mendapat keampunan dan rahmat-Nya.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Sesungguhnya, Allah SWT berfirman dalam surah Al-Ahzab Ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu berselawat dan salam ke atas Nabi*”.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ اِبْرَاهِيْمَ

وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ اِبْرَاهِيْمَ فِي

اَلْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ، اَلْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي

اَلْحَاجَّاتِ.

Ya Allah!, Ya Ghaffar! Engkau ampunilah seluruh kaum muslimin dan mukminin sama ada yang hidup ataupun yang telah mati. Ya Allah! Engkau berikan petunjuk hidayah serta rahmat-Mu kepada kami sekalian hamba-hamba-Mu dan kepada pemimpin kami terutamanya Raja pemerintah Negeri Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail serta kaum kerabat Baginda, supaya sentiasa beramal dengan kitab-Mu dan sunnah nabi-Mu. Engkau lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan selamat, sihat sejahtera dan menegakkan pemerintahan yang adil lagi diredhai oleh-Mu.

Ya Allah!, Ya Rahman! Kami memohon kepada-Mu dengan segala kerendahan diri sebagai hamba-Mu. Engkau indahkanlah akhlak kami. Engkau perbaikilah pergaulan antara kami. Engkau jadikanlah kami umat Islam yang bermentaliti kelas pertama dalam tindakan. Engkau peliharalah kami dari bersifat lemah, malas, berfikiran sempit dan buruk budi pekerti.

Ya Allah!, Ya Rahim! Engkau limpahkanlah Negeri Perlis ini dengan keberkatan, bimbinglah penduduknya kepada amalan soleh yang Engkau redha. Penuhi jiwa kami dengan mencintai agama-Mu.

Ya Allah, berikan pertolongan-Mu kepada saudara-saudara kami yang ditindas di mana pun mereka berada khususnya di Palestin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى نَبِيِّنَا

مُحَمَّدٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.